

# NEUROBINE FILM COATED TABLET

Thiamine mononitrate/Pyridoxine HCL/Cyanocobalamin (100mg/200mg/0.2mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Neurobine F.C. Tablet
2. Bagaimana Neurobine F.C. Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Neurobine F.C. Tablet
4. Cara menggunakan Neurobine F.C. Tablet
5. Semasa menggunakan Neurobine F.C. Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Neurobine F.C. Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Neurobine F.C. Tablet

Neurobine F.C. Tablet adalah digunakan untuk gangguan sistem saraf yang melibatkan kerosakan saraf atau kumpulan saraf dan kerosakan pelbagai saraf. Ini termasuk

- kerosakan saraf yang disebabkan oleh kandungan gula dalam darah yang tinggi pada jangka masa panjang,
- kerosakan saraf yang disebabkan oleh pengambilan alkohol yang berlebihan,
- kerosakan saraf yang disebabkan oleh pengambilan dadah, penyalahgunaan dadah atau bahan kimia,
- keradangan urat saraf dan kesakitan pada satu atau lebih daripada satu saraf terutamanya sakit pinggang, rasa kebas, dan / atau kelemahan dari bahagian pinggang ke bahagian punggung dan kaki dan lain-lain.

Ia juga digunakan untuk gangguan lain yang berkaitan dengan kekurangan atau peningkatan keperluan vitamin B1, B6 dan B12.

## Bagaimana Neurobine F.C. Tablet berfungsi

Thiamine adalah nutrien penting yang diperlukan untuk metabolisme karbohidrat. Ia juga terlibat dalam penghantaran isyarat saraf.

Pyridoxine, disimpan terutamanya di hati, adalah terlibat dalam metabolisme asid amino, karbohidrat dan lemak. Ia diperlukan untuk pembentukan sel darah merah.

Cyanocobalamin pula terlibat dalam pembentukan dan metabolisme asid amino.

## Selbelum Mengambil Neurobine F.C. Tablet

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Neurobine F.C. Tablet jika:

- Anda hipersensitif kepada vitamin B1, B6 atau B12.
- Anda sedang menjalani terapi Levodopa.

Jika anda hamil, cuba untuk hamil atau fikir anda mungkin mengandung, rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil produk ini.

Jika anda sedang menyusukan anak, rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil produk ini.

Cyanocobalamin tidak boleh diberikan kepada individu yang disyaki mempunyai kekurangan Vitamin B12 (sebelum mengesahkan diagnosis), individu dengan penyakit Leber's atau amioptopia tembakau (penurunan keupayaan penglihatan yang disebabkan penggunaan tembakau berat) dan anemia megaloblas kehamilan.

### - Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Dos Vitamin B6 yang tinggi mengurangkan tindakan L-dopa. Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan Neurobine F.C. Tablet bersama dengan ubat yang lain. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang

ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

## Cara menggunakan Neurobine F.C. Tablet

### - Berapa banyak harus digunakan

1-3 tablet setiap hari sebagai permulaan, sokongan atau langkah usulan untuk terapi parenteral

### - Bila perlu digunakan

Neurobine F.C. Tablet perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini boleh diambil bersama atau tanpa makanan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Neurobine F.C. Tablet untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda mengenai perkara yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat serta-merta. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Individu yang mengalami gejala dos yang berlebihan sama ada yang disahkan atau disyaki perlulah dirujuk untuk konsultasi psikiatri.

## Semasa menggunakan Neurobine F.C. Tablet

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil Neurobine F.C. Tablet selepas tarikh luput yang dinyatakan pada karton dan blister.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Neurobine F.C. Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan pengambilan alkohol semasa rawatan dengan Neurobine F.C. Tablet.

Elakkan memandu kereta atau mengendalikan jentera yang berbahaya selepas mengambil ubat ini.

**Kesan-sesan sampingan**

Kes jarang berlaku; Thiamine boleh menyebabkan tindak balas anafilaktik (batuk, susah untuk menelan, gatal-gatal, bintik-bintik pada kulit, bengkak di muka, bibir, atau kelopak mata, semput, atau susah bernafas) selepas dos yang tinggi diambil secara suntikan. Pengambilan pyridoxin dalam dos tinggi untuk beberapa bulan boleh mengakibatkan kerosakan saraf deria badan. Cyanocobalamin boleh menyebabkan reaksi anafilaktis (ruam kulit, bintik-bintik pada kulit, semput).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Neurobine F.C. Tablet**

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Neurobine F.C. Tablet perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk

melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Tablet filem salutan berbentuk bulat berwarna merah jambu, satu permukaan ditandakan dengan tanda



- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Thiamine monocitrate  
Pyridoxine HCL  
Cyanocobalamin

- Bahan tidak aktif

Lactose  
Cellulose  
Magnesium Stearate  
Magnesium Aluminium Silicate  
Sodium Starch Glycolate  
Colorant

Nombor MAL

MAL07082983XZ

**Pengilang**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5 & 7, Jalan P/7, Section 13,  
Kawasan Perindustrian Bandar Baru  
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5 & 7, Jalan P/7, Section 13,  
Kawasan Perindustrian Bandar Baru  
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP:**

23/07/2018

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)121217/00355